



Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Rujukan: UKM.JCN.600-5/1/1

Tarikh: 2 November 2021

PEKELILING AKADEMIK BIL. 31/2021

Semua Dekan/Pengarah
Fakulti/Institut/Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan

PELEPASAN KULIAH, AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) DAN SEBARANG BENTUK PENILAIAN PADA 5 NOVEMBER 2021 – SEMPENA PERAYAAN HARI DEEPAVALI

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas dan Perayaan Hari Deepavali yang akan disambut pada 4 November 2021 (Khamis).

Sehubungan dengan itu, bagi meraikan kepelbagaian latar belakang pelajar, Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersetuju untuk memberikan pelepasan berhubung perkara seperti yang berikut kepada semua pelajar yang berbangsa India/penganut agama Hindu pada 5 November 2021 (Jumaat) sebagai tambahan kepada cuti umum Hari Deepavali bagi membolehkan para pelajar meraikan perayaan tersebut:

- i. Memberi pelepasan kuliah dan aktiviti P&P; dan
- ii. Menangguhkan sebarang bentuk penilaian.

Pihak universiti juga mengingatkan pelajar agar sentiasa mematuhi SOP bagi mengelakkan penularan wabak Covid-19. Kerjasama dan keprihatinan semua berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

'Selamat Menyambut Hari Deepavali'

Sekian.

Yang benar,

PROF. DR. MOHAMMAD BIN KASSIM
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

- s.k.:
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni dan Masyarakat), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar), UKM

PEJABAT NAIB CANSELOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +603-8921 5016, +603-8925 0343 Faks: +603-8921 4241, +603-8925 6484
E-mel: tncheaa@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>

- Penasihat Undang-Undang, UKM
- Pengarah, ROSH-UKM (Merangkap Pengerusi JK Tindakan Krisis UKM: Penyakit Berjangkit)
- Timbalan Pendaftar, Pusat Pengurusan Akademik, UKM